

**Penubuhan Klinik C&C1M Mendapat Respon Positif Dari Penagih Dadah Seluruh Negara  
Bernama  
28 Mac, 2012**

BESUT, 28 Mac (Bernama) -- Pembukaan Klinik Cure and Care 1Malaysia (C&C1M) di lapan lokasi seluruh negara sejak 2006 telah menarik lebih 13,000 penagih dadah yang datang secara sukarela bagi mendapatkan rawatan serta kaunseling dengan lebih efektif.

Ketua Pengarah Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Puan Sri Datuk Zuraidah Mohamed berkata konsep yang digunakan oleh C&C1M lebih diminati para penagih berbanding rawatan di 28 buah Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) di mana penagih yang menjalani pemulihan bukannya atas dasar sukarela tetapi bagi mematuhi perintah mahkamah.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas memberi penerangan kepada Ahli Lembaga Pelawat PUSPEN di Kampung Raja di sini.

Zuraidah berkata klinik C&C1M yang diwujudkan didapati kedatangan para penagih kian memberangsangkan dengan turut disertai kaum keluarga penagih.

Menurutnya, pengamalan C&C1M mendapat pengiktirafan yang baik dan positif daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

--BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=655550>